

U B661 A A B
MAHATHIR - LALUAN R R R

MUAR, 18 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN SEDANG MENGAJI TEMPAT YANG SESUAI UNTUK DIWUJUDKAN LALUAN KEDUA KE SINGAPURA.

TANPA MENYATAKAN KEMUNGKINAN KAWASAN MANA YANG AKAN DIPILIH, PERDANA MENTERI, BAGAIMANAPUN, BERKATA IA PERLU +LARI+ SEDIKIT DARI JOHOR BAHARU BAGI MENGELAKKAN KESESAKKAN LALULINTAS.

+TIDAK DAPAT TIDAK, KITA MESTI ADA LALUAN KEDUA KERANA TEKANAN TERHADAP TAMBAK JOHOR TERLAMPAU SANGAT,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PAGOH DI SINI.

TAMBAHNYA, KALAU DILEBARKAN LAGI TAMBAK JOHOR PUN (LEBIH DARIPADA RANCANGAN SEKARANG), AKAN WUJUD PULA KESESAKKAN DI BANDAR JOHOR BAHARU. TAMBAK JOHOR KINI SEDANG DALAM PERINGKAT PELEBARAN TETAPI LANGKAH ITU DIJANGKA MAMPU UNTUK MENAMPUNG KEPERLUAN SEHINGGA TAHUN 2000 SAHAJA.

BULAN LEPAS, TIMBALAN MENTERI KERJAYA, DATUK ALEX LEE BERKATA DI SINI BAHAWA KERAJAAN PUSAT BERSETUJU PADA DASARNYA UNTUK MEMBINA LALUAN DARAT KEDUA BERHARGA \$1,500 JUTA YANG DIJANGKA SIAP DALAM TEMPOH LIMA TAHUN. -- LAGI

1445MST 18 08 89

U B662 A A B
MAHATHIR - LALUAN 2 MUAR R R R

MENURUT DATUK ALEX, PROJEK ITU YANG DIJANGKA DISWASTAKAN, TELAH DICADANGKAN DIBINA DI SATU KAWASAN DI GELANG PATAH BERDEKATAN DENGAN KAWASAN PERINDUSTRIAN DI JURONG, SINGAPURA.

MENGULAS MENGENAI LAPORAN AKHBAR HARI INI TENTANG URA-URA HAMIM AKAN KELUAR DARIPADA BARISAN NASIONAL UNTUK MENYERTAI ANGKATAN PERPADUAN UMMAH, PERDANA MENTERI YANG JUGA Pengerusi BN BERKATA: +DIA NAK KELUAR APA, DIA TAK ADA ORANG. ..ADA LIMA ORANG. YANG NAK KELUAR ITU, LIMA ORANG ITULAH...IA BUKAN ADA AHLI PUN,+

LAPORAN ITU MEMETIK SEORANG PEGAWAI TERTINGGI HAMIM SEBAGAI BERKATA BAHAWA KEPUTUSAN ITU DICAPAI DALAM SATU MESYUARAT YANG DIHADIRI OLEH BEBERAPA PEMIMPIN PARTI TERMASUK PRESIDENNYA, DATUK SUDIN WAHAB, TIMBALAN PRESIDEN, DATUK NIK MAN NIK MOHAMED DAN KETUA PEMUDA, MADLA YOB DI KOTA BAHARU SABTU LEPAS.

SETIAUSAHA AGUNG PARTI ITU, WAN IBRAHIM WAN ABDULLAH DILAPORKAN SUDAH MENYIAPKAN SURAT UNTUK MEMAKLUMKAN SETIAUSAHA AGUNG BN, ENCIK GHAFAR BABA MENGENAI KEPUTUSAN ITU.

SEMENTARA ITU, MENTERI BESAR, TAN SRI HAJI MUHYIDDIN YASSIN MENANG TANPA BERTANDING JAWATAN KETUA UMNO BAHAGIAN PAGOH. BEGITU JUGA DENGAN TIMBALAN KETUA YANG DIMENANGI TANPA BERTANDING OLEH ANGGOTA PARLIMEN PAGOH, ENCIK AHMAD OMAR. -- BERNAMA
1448MST 18 08 89